

# **Tanggapan Tenaga Pengajar Di Institut Latihan Perindustrian(ILP) Pasir Gudang, Terhadap Penerapan Kemahiran “Employability” Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran**

**Yahya Buntat, Juliana Abd Rahman**

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen kemahiran “employability” yang sering diterapkan oleh tenaga pengajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir gudang Johor, elemen kemahiran “employability” yang dianggap penting, serta permasalahan yang dihadapi untuk penerapan kemahiran tersebut semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Kajian ini dijalankan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang Johor. Seramai 52 orang responden yang terdiri daripada tenaga pengajar terlibat dalam kajian ini. Kajian mendapati, elemen kemahiran “employability” yang paling kerap diterapkan dan juga dianggap paling penting oleh tenaga pengajar ialah kemahiran komunikasi terutama kemahiran mengikut arahan yang diberikan. Bagaimanapun hasil kajian mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh tenaga pengajar untuk menerapkan kemahiran tersebut adalah pelajar kurang pengetahuan tentang kepentingan kemahiran “employability.”

## **PENGENALAN**

Pada masa kini, bidang kemahiran menjadi semakin penting bagi memenuhi peluang pekerjaan. Dengan itu, setiap institusi kemahiran seharusnya menerapkan nilai-nilai kemahiran “employability” di kalangan para pelajar mereka bagi memastikan pelajar mereka mendapat tempat di pasaran kerja.

Chek Mat (1996) dalam Noor Hareezan (2002), Institut Latihan Teknik dan Vokasional akan menghadapi pelbagai cabaran samada secara dalaman atau luaran untuk memenuhi kehendak industri. Antara cabaran yang perlu diberi perhatian ialah kemasukan teknologi baru yang perlu dikuasai dengan cepat dan pantas, kos latihan bagi menghasilkan manusia bermaklumat dan berketrampilan menjadi semakin tinggi, latihan berkualiti secara berkesinambungan akan menjadi agenda nasional yang tidak dapat lagi dikendalikan secara komersial dan peluang penyertaan secara besar-besaran ke arah pelbagai kemahiran.

Cheek (1993) dalam Noor Hareezan(2002) turut mengakui bahawa pendidikan teknik dan vokasional menghadapi kesukaran untuk bersaing dengan teknologi masa kini. Menurutnya lagi, majikan akan menghadapi masalah dalam menyalurkan teknologi terbaru di dalam tempat kerja kerana ramai pekerja yang kurang pengetahuan dan kemahiran untuk mempelajari pengalaman baru. Dengan itu, pelajar harus didedahkan

dengan suasana kerja di industri di mana ia dapat diaplikasikan semasa menjalani latihan amali.

Pendidik lebih banyak menghabiskan masa dalam membincangkan teori, berkongsi pengetahuan, dan mencari konsep manakala majikan pula mengambil pelajar untuk melihat hasil yang ada pada seseorang pelajar dan mahukan pekerja mereka dapat melakukan sesuatu dengan pengetahuan yang mereka ada, ( Hoffel, 1994) dalam Noor Hareezan (2002) Dengan itu, pendapat ini dapat menyokong bahawa kemahiran “employability” amat dipentingkan oleh majikan di mana mereka memerlukan pekerja yang mahir dan berkebolehan dari pelbagai aspek untuk membantu meningkatkan kualiti kerja.

Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang (ILPPG) di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah diamanahkan untuk mengeluarkan pelatih-pelatih yang kompeten, berkualiti dan berhemah tinggi melalui program latihan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan negara dan perkembangan teknologi semasa. Latihan yang diberi berkaitan dengan penggunaan peralatan latihan kemahiran berteknologi tinggi di samping penekanan kepada pengetahuan aplikasi Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) turut diperkenalkan sejajar dengan komitmen institut untuk menyediakan tenaga mahir yang berkualiti

Institusi ini menjalankan aktiviti latihan kemahiran secara formal bagi melahirkan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian negara khususnya kepada lepasan sekolah dan pekerja industri bagi membolehkan mereka memberi sumbangan yang lebih berkesan ke arah pembangunan negara. Dengan itu, kemahiran “employability” adalah penting untuk diterapkan di kalangan para pelajarnya bagi menghasilkan pekerja yang berkualiti seterusnya menyumbang ke arah produktiviti negara yang pesat.

Yahya (2004) mendapati beberapa elemen kualiti yang mesti ada bagi graduan-graduan teknikal dan vokasional seperti berkeupayaan untuk berkomunikasi, berinisiatif, fleksibel, dan lain-lain bagi menghadapi cabaran-cabaran masa depan yang dinamik dan mencabar. Oleh itu institusi pemberi latihan harus bersedia membekalkan elemen kemahiran “employability” kepada para pelatihnya bagi melahirkan lulusan yang berkemahiran serba lengkap dan berkualiti, di samping memiliki kemahiran teknikal.

Kemahiran “employability” ini dilihat dari tiga elemen kemahiran utama, iaitu kemahiran akademik (kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritikal, kemahiran menyelesaikan masalah dan juga kemahiran matematik), kemahiran mengurus diri (kemahiran seseorang bersikap dan perlakuan yang positif, kemahiran bertanggungjawab dan kebolehan membuat penyesuaian), dan kemahiran berpasukan (kemahiran seseorang individu itu bekerja dengan orang lain dan kebolehan melibatkan diri dalam sesuatu projek atau tugas), (The Conference Board of Canada, 1996).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

- Mengenalpasti elemen kemahiran “employability” yang paling kerap diterapkan oleh tenaga pengajar di Institut Latihan Perindustrian, Pasir Gudang.
- Mengenal pasti elemen kemahiran “employability” yang dianggap penting mengikut keutamaan oleh tenaga pengajar di Institut Latihan Perindustrian, Pasir Gudang.
- Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar semasa menerapkan elemen kemahiran “employability” semasa proses pengajaran dan pembelajaran di Institut Latihan Perindustrian, Pasir Gudang.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini adalah merupakan kajian berbentuk “Survey.” Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada seluruh tenaga pengajar yang sedang mengajar di Institusi Latihan Perindustrian, Pasir Gudang. Jumlah populasi keseluruhan bagi tenaga pengajar adalah seramai 79 orang yang kesemuanya terlibat secara langsung dalam mengajar mata pelajaran teknik dan vokasional di Institusi tersebut dalam tiga bidang iaitu Mekanikal, Elektrikal dan Elektronik, dan Pengeluaran.

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang dibina untuk mengenal pasti elemen kemahiran “employability” yang telah diterapkan oleh tenaga pengajar Institut Latihan Perindustrian, Pasir Gudang dan elemen kemahiran “employability” yang dianggap penting oleh tenaga pengajar dan diperlukan oleh majikan industri. Secara umumnya setiap set kertas soal selidik ini mengandungi tiga bahagian bahagian seperti berikut; a) maklumat latar belakang responden; b) soal selidik penerapan kemahiran “employability” oleh tenaga pengajar; c) soalselidik mengenai kepentingan elemen kemahiran “employability”; dan d) soalselidik masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar semasa menerapkan elemen kemahiran “employability” dalam program yang diajar.

Bahagian A; mengandungi tiga item soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti jantina, bidang yang diajar dan pengalaman mengajar.

Bahagian B; terdiri dari soalan 1 hingga 22 yang menyentuh elemen kemahiran “employability” yang telah diterapkan oleh tenaga pengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Bahagian ini menggunakan skala Likert Lima Mata dengan [5] = Tiap Kali (TK); [4] = Sering Kali (SK); [3] = Tidak Pasti (TP); [2] = Ada Kala (AK) dan [1] = Tidak Pernah (TPH).

Bahagian C; terdiri dari soalan 1 hingga 22 yang menyentuh elemen kemahiran “employability” yang dianggap penting mengikut keutamaan oleh tenaga pengajar. Bahagian ini menggunakan skala Likert Lima Mata dengan [5] = Paling Penting (PP); [4] = Penting (P); [3] = Sederhana (SD); [2] = Kurang Penting (KP) dan [1] = Tidak Penting (TP). Senarai item soalan kajian adalah sama seperti Jadual 3.2 di atas.

Bahagian D; terdiri daripada 9 item masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar Institut Latihan Perindustrian, Pasir Gudang, semasa menerapkan elemen kemahiran

“employability” dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Skala Likert Lima Mata digunakan untuk mendapatkan maklum balas dari responden dengan; [1] = Sangat Setuju; [2] = Setuju; [3] = Tidak Pasti; [4] = Tidak Setuju dan [5] = Sangat Tidak Setuju.

## KEPUTUSAN KAJIAN

### Latar Belakang Responden

Kajian ini mendapati dari segi jantina, bilangan tenaga pengajar lelaki adalah seramai (69.2%), manakala bilangan tenaga pengajar perempuan pula adalah (30.8%). Seramai (34.6%) adalah terdiri daripada mereka mengajar bidang Mekanikal dan (32.7%) pula mengajar dalam bidang Elektrik dan Elektronik. Manakala (32.7%) lagi mengajar dalam bidang Pengeluaran (Jadual 1)

**Jadual 1:** Bilangan dan peratus tenaga pengajar mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan (%)
Lelaki	36	69.2
Perempuan	16	30.8
<b>Jumlah</b>	<b>52</b>	<b>100</b>

Seramai (34.6%) adalah terdiri daripada mereka mengajar bidang Mekanikal dan (32.7%) pula mengajar dalam bidang Elektrik dan Elektronik. Manakala (32.7%) lagi mengajar dalam bidang Pengeluaran (Jadual 2)

**Jadual 2:** Bilangan dan peratus tenaga pengajar mengikut bidang yang diajar

Bidang	Bilangan	Peratusan (%)
Mekanikal	18	34.6
Elektrik dan elektronik	17	32.7
Pengeluaran	17	32.7
<b>Jumlah</b>	<b>52</b>	<b>100</b>

Lebih setengah (65.4%) tenaga pengajar adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman mengajar kurang dari 5 tahun dan diikuti (25%) tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman mengajar antara 5 hingga 10 tahun, (5.8%) tenaga pengajar mempunyai pengalaman mengajar antara 20 hingga 25 tahun, manakala selebihnya masing-masing (1.9%) berpengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun dan 16 hingga 20 tahun (Jadual 3)

**Jadual 3:** Bilangan dan peratus tenaga pengajar mengikut pengalaman mengajar

Pengalaman mengajar	Bilangan	Peratusan (%)
0 - 5 tahun	34	65.4
6 – 10 tahun	13	25.0
11 – 15 tahun	1	1.9
16 – 20 tahun	1	1.9
21 – 25 tahun	3	5.8
<b>Jumlah</b>	<b>52</b>	<b>100</b>

### **Objektif I: Elemen Kemahiran “Employability” Yang Paling Kerap Diterapkan Oleh Tenaga Pengajar Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang**

Dari segi penerapan elemen kemahiran “employability” oleh tenaga pengajar Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang, kajian ini mendapati bahawa elemen-elemen kemahiran “employability” yang paling kerap diterapkan ialah; a) mengikut arahan yang diberikan; b) berpelakuan secara jujur, ikhlas dan beretika; c) bertanggungjawab ke atas tindakan yang diambil; d) mengkaji dan menilai sesuatu masalah; e) fleksibel (dapat menyesuaikan diri dengan kumpulan); f) memberi kerjasama dengan pelatih yang lain; g) menerima dan belajar dari kesilapan; h) boleh bergaul dengan orang lain.

### **Objektif 2: Elemen Kemahiran “Employability” Yang Dianggap Paling Penting Oleh Tenaga Pengajar Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang**

Dari segi elemen kemahiran “employability” yang dianggap penting oleh tenaga pengajar, elemen-elemen kemahiran “employability” yang dianggap paling penting berdasarkan kedudukan rank adalah seperti berikut; a) mengikut arahan yang diberikan (min = 4.60); b) mempamerkan keyakinan diri dan bertanggungjawab ke atas tindakan yang diambil (min = 4.50); c) berpelakuan secara jujur, ikhlas dan beretika (4.48); d) merancang dan mengurus masa (min = 4.46); e) menerima dan belajar dari kesilapan (min = 4.44).

### **Objektif 3: Masalah-masalah Yang Dihadapi Oleh Tenaga Pengajar Semasa Menerapkan Elemen Kemahiran “Employability” Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran**

Dari segi masalah yang dihadapi tenaga pengajar institusi dalam usaha menerapkan elemen kemahiran “employability” semasa proses pengajaran dan pembelajaran, kajian mendapati tenaga pengajar Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang tidak menghadapi banyak masalah. Hanya dua masalah yang memberi kesan kepada usaha penerapan yang dilaksanakan. Tenaga pengajar bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah berikut iaitu pelajar kurang pengetahuan tentang kepentingan kemahiran “employability” dalam dunia pekerjaan dan kemahiran “employability” juga tidak dinilai selepas waktu pengajaran dan pembelajaran.

### **CADANGAN**

Antara cadangan yang dikemukakan ini melibatkan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan pihak Institut Latihan Perindustrian (ILP) khususnya tenaga pengajar dan pelajar.

1. Pihak JTM harus meningkatkan penekanan terhadap kepentingan kemahiran “employability” mengikut keperluan semasa.
2. Pihak ILP harus mengadakan seminar anjuran bersama dengan pihak industri terhadap tenaga pengajar supaya mereka dapat memastikan latihan teknikal dan vokasional yang diberikan menepati kehendak sektor industri negara disamping menerapkan kemahiran “employability” secara berterusan.
3. Para pelatih ILP juga harus diberikan kursus dan pendedahan mengenai kepentingan kemahiran “employability” dalam dunia pekerjaan.

4. Tenaga pengajar perlu memberikan penekanan yang lebih jelas kepada pelajar tentang kepentingan kemahiran 'employability' yang diterapkan ke atas pelajar. Penerapan kemahiran "employability" boleh dilaksanakan dalam pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti cuba membuka dan merangsang minda pelajar dengan mengalih penglibatan aktif di dalam sebarang perbincangan atau diskusi terbuka terbuka agar nilai-nilai murni dapat diserap.
5. Tenaga pengajar perlu mempunyai pengetahuan yang bersandarkan kepada maklumat-maklumat terkini mengenai isu-isu dunia pekerjaan yang berkaitan terutama kemahiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaan. Dengan itu, maklumat yang diperolehi boleh disalurkan terus kepada pelajar.

## **PENUTUP**

Dengan teknologi yang berkembang pesat, sektor perindustrian memerlukan tenaga kerja yang benar-benar berpengetahuan dan terlatih untuk menjalankan kerjanya dengan berkesan.

Hubungan antara industri dan institusi latihan kemahiran perlu diwujudkan melalui pembentukan jawatankuasa pusat yang terdiri daripada wakil industri, kerajaan dan ahli pendidik. Dengan adanya jawatankuasa ini, kurikulum pendidikan vokasional dapat dimantapkan lagi sejajar dengan keperluan sektor industri.

## **RUJUKAN**

- Abd. Aziz Yusof (2003). *Mengurus Pasukan Kerja Prestasi Tinggi*, Petaling Jaya Selangor: Prentice Hall; Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Aziz (2000). *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Fadzli Yusof (2004). *Teknik Berfikir (Konsep dan Proses)*. Kuala Lumpur.: Utusan Publication Sdn Bhd.
- Allan J. (1989). *How To develop Your Personal Management Skills*. New Delhi: Universal Book Stall.
- Bliss E.C (1992). *Bagaimana Menyelesaikan Kerja*. Selangor Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noor Hareezan (2002). *Persediaan Pelajar Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang Memasuki Pasaran Kerja Di Sektor Perindustrian, satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarja Muda.
- O'Sullivan T., et al (1996). *Successful Group Work*. London: De Monfort Universiti.
- Rickards, T. (1990). *Creativity and Problem Solving at Work*. England: Gower Publishing Company Limited.
- The Conference Board of Canada (1996). *Yukon Work Futures: skills for Today's Workplace*. Ottawa, Ontario.
- The Conference Board of Canada (2000) *Employability Skills 2000+*. Ottawa Ontario.
- Yahya Buntat (2004). *Integrasi Kemahiran "Employability" Dalam Program Pendidikan Vokasional Pertanian dan Industri di Malaysia*. Tesis Phd. Universiti Teknologi Malaysia.